

NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN KOMPETITIF TERBUKA BAGI PEMBANGUNAN LOJI JANAKUASA SOLAR PV BERSKALA BESAR (LSS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN & TAPAK PROJEK

Suruhanjaya Tenaga (ST) akan mengadakan proses bidaan kompetitif terbuka untuk memilih pemaju/konsortium bagi pembangunan Loji Janakuasa Solar PV Berskala Besar (LSS) yang akan dibangunkan di Semenanjung Malaysia. Loji Janakuasa tersebut akan disambung ke grid dan menjual tenaga kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga. Kapasiti LSS untuk dibida adalah daripada 1MW_{ac} hingga 100MW_{ac}, dengan sasaran kapasiti berjumlah 500MW_{ac} di Semenanjung Malaysia, dan dijangka beroperasi pada tahun 2021.

Maklumat mengenai titik sambungtara (*injection point*) ke grid akan disertakan bersama dokumen RFP. Pembida yang mencadangkan *shallow connection* adalah digalakkan untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam pelaksanaan projek dan juga mengurangkan kos sambungtara. Bagaimanapun, titik sambungtara alternatif boleh ditawarkan oleh pembida untuk dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan oleh syarikat utiliti.

ST dengan sukacita mempelawa syarikat atau konsortium yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji janakuasa atau pemasangan elektrik, untuk mengambil bahagian dalam proses pembidaan mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal* (RFP). Selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia, penyertaan ekuiti asing dalam konsortium tersebut tidak boleh melebihi 49%.

Dokumen RFP akan mula dijual dari **14 Februari 2019 hingga 27 Februari 2019** (9.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada hari Sabtu atau Ahad) di alamat berikut:

IBU PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2, 62100 Putrajaya.
(U/P: Unit Perolehan Kapasiti RE)

Bagi pembelian dokumen RFP, bayaran sebanyak **RM2,000.00** hendaklah dibuat kepada "Suruhanjaya Tenaga" dalam bentuk draf bank (*banker's cheques*) sahaja.

Dokumen RFP yang akan dibeli oleh pembida tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain.

Syarikat-syarikat yang berminat untuk mengambil bahagian sama ada secara persendirian, atau sebagai konsortium, perlu mengemukakan cadangan seperti dalam dokumen RFP kepada **Ibu Pejabat ST di Putrajaya**.

Tarikh tutup penyerahan **RFP yang lengkap adalah sebelum jam 5.00 petang pada 19 Ogos 2019.**

Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission),
12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.

www.st.gov.my
lssp@st.gov.my